

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 APRIL 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

### Ringgit mengukuh separuh kedua 2024



Cecah RM4.40 berbanding dolar AS pada akhir 2025

#### KUALA LUMPUR

**B**MI, sebuah syarikat Fitch Solutions menjangkakan ringgit terus mengukuh pada separuh kedua 2024 dan awal 2025, mencecah RM4.40 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang akhir 2025.

Menurut BMI dalam kenyataan pada Isnin, pemacu utamanya ialah dasar dilonggarkan selanjutnya sebanyak 150 mata asas (bps) yang akan menurunkan kadar dana Rizab Persekutuan (Fed) AS kepada 3.00 peratus menjelang Disember 2025.

"Tetapi faktor-faktor lain juga akan memberikan sokongan asas kepada ringgit," katanya.

BMI menjangkakan sebaran antara kadar dasar dan hasil bon di seluruh AS serta Malaysia akan ke-

kal stabil.

Pada mesyuarat Mac, Fed kelebihan lebih berdiplomasi daripada dijangkakan. Pegawai-pegawai Fed percaya pemotongan 75 mata asas tahun ini adalah sesuai walaupun inflasi dan unjuran pertumbuhannya meningkat.

"Sebaliknya, kami mengelakkkan pandangan bahawa Fed akan mengurangkan kadar dananya sebanyak 100 mata asas tahun ini kepada 4.50 peratus.

"Ia menunjukkan perbezaan hasil yang mengecil akan memberi petanda baik kepada ringgit terutama jika kita betul menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) akan membiarkan kadar dasar semalam kekal pada 3.00 peratus hingga 2024," kata BMI.

Menurutnya lagi, bahagian komoditi meramalkan harga minyak secara puratanya AS\$85 setong pada 2024, melebihi paras AS\$82.18 setong pada 2023.

"Ia akan membantu menyokong eksport Malaysia kerana minyak menyumbang hampir 20 peratus daripada eksport. Selain itu, BMI per-

ya eksport perkhidmatan akan terus meningkat," katanya.

Angka terkini daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya menunjukkan ketibaan pelancong pada 2023 berjumlah 20.1 juta orang. Walaupun ia melepas sasaran kerajaan yang disemak semula sebanyak 19.0 juta, ia kekal berada pada 77 peratus daripada tahap prapandemik.

Namun, BMI menjangkakan kesmasukan secara bebas visa selama 30 hari baru-baru ini untuk pelancong India dan China akan membantu mencapai sasaran kerajaan sebanyak 27.3 juta ketibaan pelancong tahun ini.

Selain itu, BMI menjangkakan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang berdaya tahan akan terus menyokong ringgit.

Menurut BMI, Malaysia mempunyai prospek ekonomi jangka panjang yang cerah, dibantu oleh penduduk usia bekerja berkembang pesat yang akan membolehkannya kekal sebagai destinasi menarik untuk pelaburan asing pada tahun-tahun akan datang. - Bernama